



LEMBAGA URUS AIR SELANGOR
(LUAS)

**PANDUAN PERMOHONAN LESEN ABSTRAKSI
AIR BUMI DI BAWAH
ENAKMEN LEMBAGA URUS AIR SELANGOR 1999**

**LEMBAGA URUS AIR SELANGOR (LUAS)
TINGKAT 12 & 13
BANGUNAN DARUL EHSAN
NO 3, JALAN INDAH, SEKSYEN 14
40000 SHAH ALAM
SELANGOR.
TEL : 03-55111800
FAX : 03-55101800
www.luas.gov.my**

PANDUAN PERMOHONAN LESEN ABSTRAKSI AIR BUMI

A. PENGENALAN

1. Mengapa perlu memohon lesen abstraksi air bumi dari kerajaan negeri Selangor?

Kerajaan negeri Selangor melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor pada 13 April 2005 telah membuat keputusan dalam mengenakan lesen dan caj terhadap semua pengguna air bumi bagi tujuan komersial dan bekalan air bermula pada **1 Julai 2005** mengikut kadar yang telah ditetapkan oleh kerajaan negeri iaitu **RM 0.05/m³** bagi tujuan **komersial** dan **RM 0.01/m³** bagi tujuan **bekalan air**.

Mengikut Perlembagaan Persekutuan, Perkara 74, 77, Senarai 2 – Senarai Negeri menjelaskan air adalah termasuk dibawah kerja-kerja negeri bermaksud air adalah hakmilik kerajaan negeri dan sesiapa yang ingin mengambil air dari mana-mana sumber air mentah perlu mendapat kebenaran kerajaan negeri terlebih dahulu melalui lesen yang dikeluarkan oleh Lembaga Urus Air Selangor (LUAS).

Langkah ini adalah merupakan cara kerajaan negeri bagi melindungi dan memulihara sumber air bumi dari diabstrak melebihi had, dibazirkan, tercemar atau timbul kesan sampingan yang lain seperti pemendapan tanah dan bertujuan memantau abstraksi air bumi seimbang mengikut kadar luahan selamat sesuatu kawasan.

2. Siapakah yang perlu memohon lesen abstraksi air bumi?

Premis atau orang perseorangan atau sesiapa sahaja yang ingin dan telah menggunakan air bumi bagi tujuan komersial dan bekalan air.

B. RINGKASAN PERUNDANGAN ENAKMEN LEMBAGA URUS AIR SELANGOR 1999

1. Apakah itu LUAS? *Seksyen 40(1)*

LUAS bertanggungjawab bagi segala pengaturan dan kawalan semua **sumber air**, termasuklah **pembangunan mampan, pengurusan, kegunaan dan pemuliharaan sumber air** itu.

2. Definisi sumber air. *Seksyen 2*

Definisi **sumber air** ertinya mana-mana **sungai, lembangan sungai, air bumi** atau **badan air**.

3. Definisi air bumi. Seksyen 2

Definisi **air bumi** ertinya **air bawah permukaan** yang terdapat, di bawah aras air di dalam tanah-tanah dan bentukan geologik dan termasuklah-

- a) sesuatu **telaga**, lubang gerek atau bentuk kerja sepertinya yang **digali ke dalam strata bawah tanah**, termasuklah mana-mana saluran yang dibina berhubungan dengan telaga, lubang gerek atau bentuk kerja itu bagi menyenangkan pengumpulan air di dalam telaga, lubang gerek atau bentuk kerja itu;
- b) mana-mana **penggalian ke dalam strata bawah tanah** di mana paras air dalam penggalian itu bergantung sepenuhnya atau sebahagian besarnya kepada air yang memasukinya daripada strata itu ; dan
- c) mana-mana air bumi yang ditetapkan

4. Peranan LUAS terhadap penggunaan air bumi

- a) Seksyen 41(1)
LUAS hendaklah menjalankan **penyeliaan dan kawalan** ke atas **penggunaan** dan aliran air dalam **mana-mana sumber air** dan sama ada berlaku secara semulajadi atas permukaan atau subpermukaan tanah.
- b) Seksyen 41(2)
Tiada seseorang pun atau pihak berkuasa awam boleh, **kecuali dengan kelulusan LUAS**, mengganggu aliran semulajadi air dalam mana-mana sumber air atau **mengambil atau mengguna air daripada mana-mana sumber air kecuali dengan jumlah tertentu yang telah dibenarkan oleh LUAS** dari semasa ke semasa.

5. Bagaimana kawalan dibuat terhadap penggunaan air bumi?

- a) Seksyen 6(1)(n)
Memberikan lesen atas syarat-syarat yang dianggap wajar oleh Lembaga kepada mana- mana pihak berkuasa awam atau orang bagi mengusahakan sebarang kegiatan yang berhubungan dengan sumber-sumber air dan untuk mengawalselia pemegang-pemegang lesen serta aktiviti-aktiviti mereka.
- b) Seksyen 44(1)(a)
Mengenakan caj ke atas penggunaan air atau mana-mana sumber lain daripada mana-mana sumber air termasuk tetapi tidak terhad kepada abstraksi, pengeluaran, pembuangan, penyaliran, pelencongan dan pengepongan air itu atau sumber lain

6. Bagaimanakah bentuk caj dan lesen tersebut?

- a) Lesen dipanggil **Lesen Abstraksi Air Bumi**.
- b) Setiap **satu lesen** sah digunakan untuk setiap **satu telaga** sahaja.
- c) Tempoh lesen adalah selama **1 tahun** hendaklah **diperbaharui setiap tahun**.
- d) Caj berdasarkan jumlah abstraksi air bumi mengikut kadar yang telah ditetapkan oleh kerajaan negeri iaitu **RM 0.05/m³** bagi tujuan komersial dan **RM 0.01/m³** bagi tujuan utiliti awam. Caj akan dibayar semasa pengeluaran lesen.

7. Apakah mengambil air bumi tanpa kebenaran dari LUAS boleh disabit kesalahan? *Seksyen 107*

Mana-mana orang yang, **tanpa kelulusan dari LUAS** mengeluarkan, **menggunakan** atau melencongkan air atau **sumber air** yang lain adalah **melakukan kesalahan** dan apabila disabitkan boleh **didenda** tidak melebihi **seratus ribu ringgit** atau **dipenjarakan** untuk tempoh tidak melebihi **dua tahun** atau kedua-duanya.

C. PROSEDUR PERMOHONAN

1. Permohonan Kebenaran Menggali Telaga

- a) Melengkapkan **Borang U011-F4-001-00** : Permohonan Kebenaran Menggali Telaga

* Setelah mendapat kebenaran Menggali Telaga dari LUAS, pemilik telaga membuat permohonan abstraksi air bumi mengikut prosedur di bawah;

** Penggunaan cecair pemadam untuk pengisian borang permohonan perlu ditegah demi integriti maklumat yang diberi.

2. Permohonan Abstraksi Air Bumi

- a) Melengkapkan **Borang U011-F4-002-00**: Permohonan Baru Lesen Abstraksi Air Bumi
- b) Melengkapkan **Borang U011-F4-003-00**: Permohonan Pembaharuan Lesen Abstraksi Air Bumi

* Setelah proses permohonan mendapat kelulusan, Lesen Abstraksi Air Bumi akan dikeluarkan.

** Penggunaan cecair pemadam untuk pengisian borang permohonan dan bacaan meter perlu ditegah demi integriti maklumat yang diberi.

3. Fi Pendaftaran

Bayaran **memproses permohonan baru** adalah sebanyak Ringgit Malaysia satu ratus lima puluh sahaja (**RM 150**) untuk setiap satu telaga. Bayaran dibuat sekali sahaja semasa pendaftaran dibuat. Bayaran boleh dibuat dalam bentuk tunai atau cek syarikat atas nama '**LEMBAGA URUS AIR SELANGOR**' hendaklah diserahkan bersama-sama borang permohonan ke alamat berikut :-

Pengarah
Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)
Tkt 12 & 13, Bangunan Darul Ehsan
No 3, Jalan Indah, Seksyen 14
40000 Shah Alam, Selangor.
Tel : 03-55111800, Fax : 03-55101800
Laman Web: www.luas.gov.my

D. FI LESEN DAN CAJ

1. Fi Lesen

Lesen akan dikeluarkan setelah permohonan diluluskan dengan kadar bayaran fi lesen adalah sebanyak Ringgit Malaysia Dua Ratus sahaja (**RM200.00**) untuk setiap telaga.

2. Caj Abstraksi

Caj berdasarkan jumlah abstraksi air bumi mengikut kadar yang telah ditetapkan oleh kerajaan negeri iaitu **RM 0.05/m³** bagi tujuan komersial dan **RM 0.01/m³** bagi tujuan utiliti awam. Caj boleh dibayar semasa pengeluaran lesen atau selepas lesen tamat.

Bayaran Fi Lesen dan caj abstraksi air bumi boleh dibuat dalam bentuk tunai atau cek berpaling atas nama '**LEMBAGA URUS AIR SELANGOR**' dan dihantar ke alamat berikut :-

Pengarah
Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)
Tkt 12 & 13, Bangunan Darul Ehsan
No 3, Jalan Indah, Seksyen 14
40000 Shah Alam, Selangor.
Tel : 03-55111800, Fax : 03-55101800
Laman Web: www.luas.gov.my

E. PROSEDUR MEMPERBAHARUI LESEN

1. Pembaharuan lesen hendaklah dibuat sekiranya ingin ;

- a) Meneruskan abstraksi air bumi tersebut ; atau
- b) Mengurangkan atau meningkatkan kapasiti penggunaan air bumi.

2. Cara memperbaharui lesen ;

Tiga bulan sebelum tamat tempoh lesen, pemegang lesen perlu ;

- a) Menghantar Borang U011-F4-003-00 yang telah lengkap diisi dengan maklumat terkini ;
- b) Mengemukakan bacaan meter.

F. PEMANTAUAN

Setelah lesen abstraksi air bumi diperoleh, pemegang lesen perlu membuat pemantauan terhadap kualiti dan paras air bumi dari semasa ke semasa mengikut jadual yang telah ditetapkan oleh pihak LUAS.

G. PERTANYAAN

Untuk pertanyaan sila hubungi :-

*Unit Abstraksi Air,
Tingkat 11, Bangunan Darul Ehsan
No 3, Jalan Indah, Seksyen 14
40000 Shah Alam, Selangor.
Tel : 03-55111800 sambungan 1120, 1134 & 1136
Faks : 03-55101800*